

1983

LIMBANG (SARAWAK), 27 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHU SEMUA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL MENGUKUHKAN PERSAHABATAN DI KALANGAN MEREKA DAN MENYELESAIKAN MASALAH MENERUSI RUNDINGAN.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN HARI INI PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL PERLU BERFIKIRAN WARAS DAN MEMBELAKANGKAN KEPENTINGAN DIRI SENDIRI TERUTAMA DALAM MENYAHUT KEINGINAN KERAJAAN MEMBANGUNKAN NEGARA.

'KITA DALAM BARISAN NASIONAL HENDAKLAH MELUPAKAN PERSELISIHAN SESAMA SENDIRI DAN BERUSAHA BERSAMA-SAMA MENCAPAI MATLAMAT PARTI UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN DAN MENYUSUN MASYARAKAT SUPAYA SEGALA PERBEZAAN KAUM TIDAK KETARA,' TAMBAH BELIAU SEMASA BERUCAP DALAM SATU PERJUMPAAN DENGAN MASYARAKAT SETEMPAT DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP PEMIMPIN SARAWAK KHASNYA TERUS BERUSAHA MEMBANGUNKAN SARAWAK SEBAGAI SEBAHAGIAN DARI MALAYSIA.

KENYATAAN INI NAMPAKNYA MERUJUKKAN KEPADA KRISIS POLITIK DI SARAWAK JULAI LALU BERIKUTAN PERLETAKAN JAWATAN TIGA ORANG ANGGOTA PARLIMEN DAN SEMBILAN ORANG ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI DARI PARTI KEBANGSAAN SARAWAK (SNAP).

MEREKA, YANG MEMBANTAH TINDAKAN SNAP MEMECAT NAIB PRESIDENNYA, ENCIK DANIEL TAJEM JUN LALU, KEMUDIAN MENYERTAI LAIN-LAIN ANGGOTA SNAP YANG DIPECAT SEBELUM ITU MENUBUHKAN PARTI BARU -- PARTI BANSA DAYAK SARAWAK -- UNTUK MEMPERJUANGKAN NASIB KAUM DAYAK.

PERSELISIHAN INI MENYEBABKAN SNAP HILANG 11 KERUSI DARI 13 KERUSI DALAM DEWAN UNDANGAN NEGERI KEPADA PBDS DAN EMPAT DARI ENAM KERUSI PARLIMEN KEPADA KUMPULAN DATUK LEO MOGGIE YANG JUGA MELETAKKAN JAWATAN DARI SNAP UNTUK MEMIMPIN PARTI PBDS.

-- LAGI 2011/LK

PM - KRISIS 2 LIMBANG (SARAWAK) ''''

DUA HARI LALU, BARISAN NASIONAL SARAWAK MENGADAKAN MESYUARAT UNTUK MEMBINCANGKAN PERKARA MENGENAI PILIHANRAYA NEGERI YANG AKAN DATANG TETAPI MENEMUI KEBUNTUAN DALAM MENYELESAIKAN MASALAH PEMBAGIAN KERUSI.

SEHINGGA INI Pengerusi Barisan Nasional Negeri, Datuk Patinggi Amar Taib Mahmud memberi tempoh hingga Sabtu ini untuk dicapai kompromi.

KEDUDUKAN PARTI-PARTI DALAM DEWAN UNDANGAN NEGERI ITU YANG MEMPUNYAI 48 KERUSI IALAH PARTI PESAKA BUMIPUTRA BERSATU SARAWAK (PBB) 18, PARTI RAKYAT BERSATU SARAWAK (SUPP) 11, PBDS 11, SNAP LIMA DAN BEBAS TIGA. PBB, SUPP DAN SNAP ADALAH PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL.

'KITA TIDAK HARUS MEMIKIRKAN KEPENTINGAN SENDIRI TETAPI KITA HARUS INGAT KITA MEWAKILI KERAJAAN DAN NEGARA DAN BUKAN KAWASAN MASING DI SARAWAK SAHAJA.

KENYATAAN DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional di Limbang hari ini dianggap penting memandangkan ia dibuat di kubu Presiden SNAP, Datuk James Wong. Datuk Wong turut hadir dalam upacara itu. -- LAGI 2049/II

ZCZC 0677

PM - KRISIS 3 LIMBANG ''''

DATUK SERI DR MAHATHIR BANGGA KERANA PENDUDUK SARAWAK YANG TERDIRI DARI BERBAGAI-BAGAI SUKU KAUM BERJAYA HIDUP DALAM AMAN DAN HARMONI DAN BERHARAP PERSAHABATAN INI DIPERKUKUHKAN LAGI.

BELIAU MENEGASKAN KERAJAAN TIDAK MAHU WALAU SEORANG PENDUDUK ATAU SEBUAH NEGERI PUN KETINGGALAN DALAM MENIKMATI PEMBANGUNAN DAN SEJAK BN MEMERINTAH, SEMUA RAKYAT MENIKMATI FAEDAH YANG SAMA RATA DALAM SEGALA BIDANG.

''OLEH ITU SAYA HARAP PENDUDUK SARAWAK TIDAK LUPA KHIDMAT YANG DIBERI OLEH KERAJAAN BN YANG MENYEDIAKAN PEMBANGUNAN PESAT UNTUK MEREKA,'' KATANYA.

OLEH DEMIKIAN, BELIAU MENEKANKAN PERLUNYA SEMUA WAKIL RAKYAT MENJALANKAN TUGAS DENGAN SEMPURNA JIKA MEREKA MAHU TERUS DIPILIH MEMIMPIN RAKYAT DI KAWASAN Masing-masing. -- BERNAMA 2148/II